

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

SOALAN NO. 517

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam PTPTN yang sedang membayar mengikut jadual pembayaran, yang membayar secara tidak menentu, yang tidak cuba membayar, dan yang tidak dapat dikenalpasti, serta jumlah nilai hutang bagi setiap kumpulan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Januari 2019, seramai 1,921,222 orang peminjam patut mula membayar balik melibatkan jumlah patut dikutip sebanyak RM20.91 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,563,404 orang peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM14.52 bilion. Daripada jumlah telah membuat bayaran balik ini seramai 502,515 orang peminjam telah membuat penyelesaian penuh yang melibatkan kutipan sebanyak RM5.94 bilion, 439,698 orang peminjam membayar secara konsisten dengan amaun RM2.58 bilion dan 621,191 orang peminjam membayar secara tidak konsisten yang melibatkan kutipan sebanyak RM5.99 bilion dengan tunggakan bayaran sebanyak RM3.58 billion. Seramai 357,818 orang peminjam tidak pernah membuat bayaran balik dengan jumlah tunggakan sebanyak RM2.81 bilion.